

SULIT  
1249/1  
SEJARAH  
KERTAS 1  
OKTOBER  
1 JAM

1249/1

NO KAD PENGENALAN

							-			-				
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

Nama Pelajar : .....

Tingkatan : .....



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
(CAWANGAN KELANTAN)

---

MODUL KOLEKSI ITEM  
PERCUBAAN SPM  
2023

---

SEJARAH  
KERTAS 1  
MASA : SATU JAM

---

1. Kertas ini mengandungi **40** soalan
2. Jawab **semua** soalan
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, **A,B,C** dan **D**. Bagi setiap soalan pilih satu jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan. Padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.

---

Kertas ini mengandungi **17** halaman bercetak



1 Pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka berasaskan Sistem Pembesar Empat Lipatan. Keselamatan kota Melaka terletak di bawah tanggungjawab

- A Temenggung
- B Syahbandar
- C Laksamana
- D Bendahara

2 Maklumat berkaitan dengan Undang-undang Laut Melaka.

Fasal 13.1
Nakhoda perlu diberikan keutamaan untuk berniaga selama 4 hari

Mengapakah nakhoda diberi keistimewaan tersebut?

- A Sebagai wakil kerajaan
- B Khuatir berlaku penipuan
- C Ibarat raja dalam pelayaran
- D Penghormatan daripada pedagang

3 Gerakan Islah di Mesir muncul disebabkan oleh imprealisme barat pada abad ke-19. Apakah seruan gerakan tersebut?

- A Berpandu ideologi demokrasi
- B Mengekal pendidikan tradisional
- C Mengukuh Raja Berperlembagaan
- D Berpegang kepada ajaran Islam sebenar



- 4 Thailand berjaya mengekalkan kemerdekaan dan kedaulatan negaranya daripada penjajahan Barat  
Bagaimanakah pemerintah tersebut mencapai hasratnya?

- A Kekuatan pembesar tempatan
- B Bantuan daripada negara luar
- C Diplomasi dan permodenan
- D Aspek ketenteraan mantap

- 5 Poster berikut berkaitan dengan Perang Dunia Kedua 1939-1945.



Apakah mesej di sebalik poster tersebut?

- A Membebaskan Jerman daripada China
- B Jerman berjaya dalam menguasai Rusia
- C Kebangkitan satu kuasa besar yang gah
- D Rusia bebas daripada penaklukan Jerman



- 6 Jadual berikut merupakan nama anggota pasukan keselamatan yang menentang pendudukan Jepun di Tanah Melayu.

Leftenan Adnan Saidi	Menjulangi nama Rejimen Askar Melayu
Leftenan Ibrahim Alla Ditta MC	Menyelamatkan hampir 2000 tentera Bersekutu
Koperal Yaakob Bidin	Pertempuran di Pasir Panjang

Apakah iktibar daripada perjuangan mereka?


- A Kerjasama dalam perancangan
  - B Sedia berkorban untuk negara
  - C Bijak membuat keputusan
  - D Rajin mencari ilmu baharu
- 7 Penubuhan Malayan Union mendapat pelbagai reaksi daripada pemimpin dan rakyat di Tanah Melayu.

Apakah reaksi daripada Raja-raja Melayu terhadap pelaksanaan tersebut?

- A Menghantar surat bantahan ke London
- B Berunding dengan pegawai British
- C Meminta bantuan tentera luar
- D Bersedia dengan perubahan



- 8 Peta berikut menunjukkan keseluruhan negeri Sabah telah diserahkan kepada British.



Apakah faktor penyerahan tersebut?

- A Permintaan penduduk tempatan
  - B Masalah kewangan SBUB meruncing
  - C Dasar British dalam pentadbiran tempatan
  - D Organisasi pentadbiran dapat dimantapkan
- 9 Apakah matlamat utama perjuangan nasionalis Melayu radikal semasa memperjuangkan kemerdekaan penghujung tahun 1930-an?
- A Menobatkan Bahasa Melayu
  - B Mengukuhkan perpaduan
  - C Membebaskan tanah air
  - D Menganjurkan kongres



- 10 Majlis Mesyuarat Persekutuan ditubuhkan bagi membantu Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu.  
Manakah yang berikut merupakan bidang kuasa majlis tersebut?
- I Hal ehwal luar
  - II Ketenteraman awam
  - III Pelantikan pemerintah
  - IV Syarat kewarganegaraan
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV
- 11 Mengapakah Parti Komunis Indonesia (PKI) berusaha menyebarkan pengaruh mereka di Tanah Melayu?
- A Penubuhan Parti Komunis Nanyang
  - B Kegagalan menguasai Pulau Jawa
  - C Keinginan menguasai bahan mentah
  - D Perluasan pengaruh Parti Komunis China
- 12 Pada zaman darurat pengeluaran tanaman padi dan makanan lain semakin berkurangan di Tanah Melayu.  
Apakah kesan situasi tersebut?
- A Pertambahan buruh asing
  - B Peningkatan harga barang
  - C Pengawalan barangan import
  - D Pengeluaran tanaman dagangan



13 Antara yang berikut manakah objektif pembentukan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) di Tanah Melayu?

- I Mewujudkan keadilan ekonomi
- II Memantapkan pendidikan kebangsaan
- III Mewujudkan keadaan harmoni dan muhibah
- IV Meningkatkan hubungan kaum yang mendalam

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

14 Gambar berikut berkaitan kerjasama politik ke arah mencapai kemerdekaan di Tanah Melayu.



Apakah motif pembentukan perlembagaan tersebut?


- A Membina negara bangsa
- B Memupuk kerjasama kaum
- C Memperkasa jati diri bangsa
- D Merancang proses pilihan raya



- 15 Pilihan Raya Persekutuan diadakan sebagai langkah awal ke arah kemerdekaan. Apakah perkara yang membolehkan pilihan raya diadakan?
- A Kelulusan Dewan Rakyat
  - B Persetujuan oleh pegawai British
  - C Rang Undang-undang diluluskan
  - D Mendapat perkenan ketua kerajaan
- 16 Apakah peranan kabinet pertama Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1955?
- A Mengesah rang undang-undang
  - B Meningkatkan hubungan diplomatik
  - C Membincang urusan kewangan
  - D Memperkenal hak kesamarataan
- 17 Manakah menjadi pilihan masyarakat dan pemimpin Tanah Melayu dalam Terma Rujukan Suruhanjaya Perlembagaan 1956?
- I Kedudukan Raja Melayu dipelihara
  - II Kewarganegaraan kepada sesiapa sahaja
  - III Kepatuhan rakyat kepada demokrasi berparlimen
  - IV Keistimewaan orang Melayu dan kepentingan kaum lain
- A I dan II
  - B I dan IV
  - C II dan III
  - D III dan IV



- 18 Garis masa berikut berkaitan kronologi sebelum Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957.



Apakah X?

- A Dilulus oleh Majlis Perundangan Persekutuan
  - B Mendapat persetujuan untuk diperkenankan
  - C Dibentang kepada Raja-raja negeri Melayu
  - D Membahas Rang Undang-undang khas
- 19 Apakah tujuan penubuhan jawatankuasa persediaan fizikal sebelum menyambut kemerdekaan 31 Ogos 1957?
- A Menghargai perjuangan wira negara
  - B Pembahagian tugas pegawai tempatan
  - C Pengalaman dalam mengurus sambutan
  - D Memberi detik bermakna kepada negara



20 Maklumat berikut berkaitan kesan pendidikan selepas negara mencapai kemerdekaan

- Membina sebuah bangsa bagi negara yang bersatu
- Mengeluarkan Penyata Rahman Talib

Bagaimanakah hasrat tersebut dicapai?

- A Mewujudkan pusat bahasa tempatan
  - B Menubuhkan institut kajian dasar sosial
  - C Mengadakan kempen memperkaya bahasa
  - D Menjadikan Bahasa Melayu bahasa pengantar
- 21 Antara berikut yang manakah berkaitan dengan kedaulatan tradisional?
- A Berasaskan rumpun bangsa
  - B Pemerintah berkuasa mutlak
  - C Pengiktirafan undang-undang
  - D Berdasarkan kepada perlembagaan
- 22 Apakah langkah untuk memelihara kedaulatan undang-undang di negara kita?
- A Mewartakan undang-undang
  - B Menubuhkan badan kehakiman
  - C Mewujudkan suruhanjaya bebas
  - D Melaksanakan pindaan perlembagaan



23 Undang-undang berikut telah dilaksanakan di negara kita sebelum kedatangan Barat.

Negeri	Undang-undang
Johor	Undang-undang Johor
Perak	Undang-undang 99 Perak

Apakah fungsi undang-undang tersebut?

- A Pentadbiran yang sistematik
- B Keselamatan raja dan rakyat
- C Panduan dan kawalan kepada raja
- D Kedaulatan daripada campurtangan luar

24 Mengapakah pindaan dibuat ke atas undang-undang berikut?

- Pindaan Perlembagaan 1963
- Pindaan Perlembagaan 1965

- A Menunjukkan kewibawaan
- B Menjamin keluhuran perlembagaan
- C Memenuhi desakan parti-parti politik
- D Menyesuaikan dengan keperluan semasa

25 Berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, peranan Majlis Raja-Raja adalah

- A mengesyorkan perintah darurat
- B mengisytiharkan persempadanan
- C meluluskan peruntukan perbelanjaan
- D memperkenalkan pindaan perlembagaan



26 Apakah kepentingan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen yang diamalkan di negara kita?

- A Mengukuhkan kuasa raja
- B Mewujudkan kesamarataan
- C Meredakan konflik parti politik
- D Mengelakkan pertindihan kuasa


27 Mengapakah Kerajaan Persekutuan diperuntukkan kuasa lebih besar berbanding Kerajaan Negeri?

- I Mewujudkan keadilan
- II Mengukuh perpaduan
- III Menjamin kestabilan negara
- IV Meningkatkan kemajuan negara

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV



28 Gambar berikut berkaitan dengan Taman Negara di Sabah dan Sarawak.



Apakah keistimewaan taman negara tersebut?

- A Pusat spesies *Rafflesia*
- B Zon perlindungan PERHILITAN
- C Tapak Warisan Dunia UNESCO
- D Pusat penjagaan flora dan fauna

29 Jadual berikut berkaitan siri lawatan pemimpin negara sebelum pembentukan Malaysia.

Tarikh	Pemimpin	Lawatan
Julai 1961	Tunku Abdul Rahman	Sarawak dan Brunei
Ogos 1962	Datu Abang Haji Mustapha Datu Mustapha Datu Harun	Persekutuan Tanah Melayu
November 1962	Tunku Abdul Rahman	Sarawak dan Sabah

Apakah kepentingan siri lawatan ini?

- A Pemulihan hubungan
- B Keadilan pengagihan kuasa
- C Permuafakatan untuk merdeka
- D Kesepakatan pembentukan Malaysia



30 Indonesia membuat bantahan rasmi kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu(PBB) tentang pembentukan Malaysia.  
Bagaimanakah PBB menyelesaikan isu tersebut?


- A Mengusulkan idea
- B Memberi penjelasan
- C Mengadakan siri lawatan
- D Membuat tinjauan semula

31 Apakah faktor pemisahan Singapura daripada Malaysia?

- I Kuasa terhad
- II Pasaran bersama
- III Pelabuhan bebas
- IV Tuntutan percukaian

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

32 Garis masa berikut merujuk kepada operasi ketenteraan di Sarawak.



Mengapakah operasi tersebut dilancarkan?

- A Menghalang pengaruh asing
- B Membendung kemasukan PATI
- C Membanteras ancaman komunis
- D Menyekat perkembangan ideologi



33 Mengapakah faktor sejarah menjadi punca kepada masalah perpaduan di negara kita selepas merdeka?

- I Pentadbiran British
- II Pembukaan tanah
- III Penyatuan wilayah
- IV Pendidikan vernakular

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

34 Logo berikut berkaitan dengan sambutan jubli emas ideologi negara



Apakah latar belakang pembentukan ideologi tersebut?

- A Peristiwa 13 Mei 1969
- B Pembentukan Malaysia 1963
- C Perisytiharan Kemerdekaan 1957
- D Pembubaran Malayan Union 1946

35 Apakah tujuan penubuhan Majlis Perundingan Negara (MAPEN) pada tahun 1970?

- A Menyediakan modal
- B Menyusun masyarakat
- C Memupuk identiti nasional
- D Memodenkan perindustrian



- 36 Dasar Pembangunan Nasional (DPN) dilancarkan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad pada 17 Jun 1991.

Bagaimanakah matlamat DPN dapat dicapai?

- A Pembangunan seimbang antara negeri
- B Pembukaan bandar-bandar baharu
- C Penyusunan masyarakat di bandar
- D Pemupukan nilai kebangsaan

- 37 Maklumat berikut berkaitan Tunku Abdul Rahman sebagai Menteri Luar Negeri pertama.

Kewujudannya adalah berperanan menggubal dasar luar serta menjaga kepentingan nasional Malaysia pada peringkat antarabangsa

Manakah yang berkaitan dengan maklumat tersebut?

- A Wisma Putra
- B Perbadanan Putrajaya
- C Putra World Trade Centre (PWTC)
- D Putrajaya International Convention Centre (PICC)

- 38 Maklumat berikut berkaitan dengan kerjasama ekonomi ASEAN.

Skim Keutamaan Perniagaan (SKP)

Apakah kelebihan SKP?

- A Pembayaran tarif rendah
- B Pemotongan cukai barangan
- C Penggunaan mata wang ASEAN
- D Pertukaran teknologi pemasaran



- 39 Logo berikut berkaitan dengan penglibatan Malaysia dalam kelestarian global



Mengapakah anugerah tersebut diperkenalkan?

- A Pemeliharaan alam sekitar
  - B Pemulihan flora dan fauna
  - C Promosi pelancongan
  - D Penjagaan kesihatan
- 40 Maklumat berikut berkaitan dengan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

Kerelevanan Organisasi Antarabangsa

Mengapakah Malaysia berpandangan PBB tidak mampu berfungsi dengan baik?

- A Kerakusan kuasa luar
- B Penyalahgunaan kuasa veto
- C Perlumbaan teknologi senjata
- D Kemelesetan ekonomi sejagat

**KERTAS TAMAT**